

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KONTENA NASIONAL BERHAD
GAWANGAN PORT KLANG

Oleh:

SAMSIAH BINTI AJMAIN
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri Disajikan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Permasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1320039942

LI 69 FPE 2 2005



1100039942

Laporan akhir Latihan Industri di Kontena Nasional Berhad Cawanagn Port Klang / Samsiah Ajmain.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100039942

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KONTENA NASIONAL BERHAD
CAWANGAN PORT KLANG**

Disediakan Oleh:

**SAMSIAH BINTI AJMAIN
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada:

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

2005

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **SAMSIAH BINTI AJMAIN**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalankan latihan industri semata-mata. Falkulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama : Samsiah Binti Ajmain

Tarikh : 22 OKTOBER 2005

Disahkan Oleh :



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ucapan terima kasih pelatih kepada Prof.Madya.DR.Saharudin bin Dato' Hj. Abd Hamid, Penyelia Latihan Industri Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia, di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri. Ucapan terima kasih juga diucapkan di atas kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih dalam menyiapkan laporan ini. Kerjasama beliau amatlah pelatih hargai.

Seterusnya, pelatih mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada pihak KONTENA NASIONAL BERHAD, di atas kesudian pihaknya mengambil pelatih untuk menjalani latihan industri di sana, terutamannya kepada En Nordin Mahbob, Pengurus Cawangan Port Klang kerana memberi peluang kepada pelatih untuk menyelami bidang pekerjaan yang sebenar.Tidak ketinggalan juga, pelatih ucapan kepada pihak-pihak yang terlibat sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri terutama kepada penyelia industri pelatih iaitu Pn Shiyamala Dewi. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan memberi peluang kepada pelatih untuk merasai keadaan sebenar bidang pekerjaan.

Selain itu, terima kasih juga kepada kakitangan Kontena Nasional Berhad yang turut memberikan kerjasama yang jitu kepada pelatih terutamanya di bahagian operasi iaitu En Kamaruzaman Mohd Noor, En Nur Azmi Abdullah, En Ramlan Aziz, En Jamalluddin, Pn Roszana Wardi dan En Halim Husin. Mereka telah banyak membantu dari segi nota-nota dan tunjuk ajar tentang operasi-operasi kerja. Malah tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung dalam memberikan pelatih maklumat berkaitan operasi kerja di Kontena Nasional Berhad.Selain itu, pelatih ucapan terima kasih juga kepada ahli-ahli jawatankuasa latihan industri kerana telah bertungkus-lumus bekerja bagi melancarkan proses latihan industri ini. Kesungguhan dan kesabaran mereka melayani keranah-kerenah para pelajar amtlah dihargai.

Akhir sekali, pelatih tidak lupa ucapan juga terima kasih kepada keluarga yang banyak membantu dan memberi sokongan serta dorongan kepada pelatih dari segi bantuan kewangan dan tempat tinggal. Sokongan dan dorongan mereka telah banyak membantu pelatih semasa menjalani latihan industri.

**SAMSIAH BINTI AJMAIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA.**

PRAKATA

Latihan Industri (LI) merupakan suatu komponen subjek yang sangat penting dalam program pengajian Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Melalui latihan industri ini, pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi tentang teori dan pengajaran yang dipelajari di samping mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Selain itu, melalui latihan industri ini, pelatih turut didedahkan dengan alam pekerjaan di mana pelatih akan memperolehi pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing.

Latihan Industri memberikan pendedahan awal kepada para graduat tentang alam pekerjaan sebelum mereka menempuh keadaan sebenar dan bagi membolehkan mereka menyediakan diri berhadapan dengan dunia yang lebih mencabar. Pendedahan awal ini adalah penting agar pelatih mendapat pemahaman yang lebih mendalam lagi tentang teori yang dipelajari dengan berada di situasi sebenar. Pemahaman akan menjadi lebih jelas dengan pemerhatian, sentuhan dan pengaplikasian terhadap sistem yang dipelajari.

Latihan Industri telah dijalankan selama 12 minggu untuk membolehkan para graduat memperolehi seberapa banyak maklumat yang berkaitan dengan organisasi syarikat untuk diaplikasikan dengan teori yang dipelajari semasa pengajaran dikuliah mengikut bidang pengurusan masing-masing. Selain itu, Latihan Industri telah memberikan peluang kepada para graduat untuk mengetahui situasi sebenar bidang yang diceburi dengan alam pekerjaan di mana kedua-duanya adalah saling berkaitan antara satu sama lain.

Akhir sekali, Latihan Industri memberikan banyak manfaat kepada pihak universiti dan para graduat untuk menimba pengalaman, pendedahan awal dan pengaplikasian teori sebelum tamat pengajian. Malah Latihan Industri dapat membantu para graduat mendapat peluang pekerjaan dan sesuai dengan misi pendidikan negara yang mahu melahirkan para graduat yang dapat memberikan sumbangan tenaga kerja kepada industri ekonomi negara.

ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
PENGHARGAAN	ii
PRAKATA	iii
SENARAI RAJAH	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI SINGKATAN	vi
RINGKASAN EKSEKUTIF	vii
BAB SATU : LATAR BELAKANG SYARIKAT	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Lokasi	3
1.3 Objektif	4
1.4 Misi	4
1.5 Logo Syarikat	4
1.6 Tanggungjawab Setiap Jawatan Pekerja	5
1.7 Lembaga Pengarah	6
1.8 Komposisi Lembaga	6
1.9 Tanggungjawab Lembaga	6
1.10 Jawatankuasa Audit	7
1.11 Carta Organisasi	8
1.12 Maklumat Organisasi	12

1.13	Fungsi Dan Aktiviti Syarikat	15
1.13.1	Bahagian Operasi Dan Tempahan Pelanggan	15
1.13.2	Bahagian Kejuruteraan (Engineering)	16
1.13.3	Bahagian Pergudangan	18
1.14	Kekuatan Syarikat	20
1.15	Tumpuan Pasaran Syarikat	21
1.16	Matlamat yang ingin di capai dalam Latihan Industri	21

BAB DUA : PENGENALPASTIAN SISTEM KERJA, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1	Pengenalan	24
2.2	Sistem Tempahan Nota Penghantaran Pelanggan	24
2.2.1	Prosedur Sistem Tempahan Nota Penghantaran Pelanggan	25
2.2.2	Pengenalpastian Masalah	29
2.2.3	Cadangan Penyelesaian	30
2.3	Sistem Pergerakan Penghantaran (Delivery)	32
2.3.1	Prosedur Sistem Pergerakan Penghantaran	32
2.3.2	Pengenalpastian Masalah	37
2.3.3	Cadangan Penyelesaian	39
2.3.4	Implikasi Perlaksanaan Dan Kesan	39

2.4	Sistem Pergerakan Penarikan Pungutan (Collection)	41
2.4.1	Prosedur Sistem Pergerakan Penarikan Pungutan	41
2.4.2	Pengenalpastian Masalah	45
2.4.3	Cadangan Penyelesaian	47
2.4.4	Implikasi Perlaksanaan Dan Kesan	49

BAB TIGA : PENUTUP

3.0	Penutup	50
3.1	Rumusan Dan Cadangan Keseluruhan	50
3.2	Cadangan Latihan Industri	52

RUJUKAN	54
----------------	----

LAMPIRAN	55
-----------------	----

Lampiran A :	<i>Request for delivery</i>	56
Lampiran B :	<i>Consignment notes</i>	57
Lampiran C :	<i>Shipping Order/Booking Confirmation</i>	58
Lampiran D :	<i>Gate Pass</i>	59
Lampiran E :	<i>Borang Kastam</i>	60
Lampiran F :	<i>Equipment Interchange Receipt</i>	61
Lampiran G :	<i>Customer Complaint Record</i>	62
Lampiran H :	<i>Borang Tugas-Tugas Khas</i>	63
Lampiran I :	<i>Nota Kebenaran Perjalanan</i>	64
Lampiran J :	<i>Non Export Booking Container Slip</i>	65

Lampiran K :	<i>Official Receipt</i>	66
Lampiran L :	<i>Request Acknowledgement</i>	67
Lampiran M :	<i>Daily Collection by Team</i>	68
Lampiran N :	<i>Daily Delivery by Team</i>	69

SENARAI RAJAH

PERKARA		MUKA SURAT
Rajah 1	Logo Syarikat	4
Rajah 2	Struktur Korporat	8
Rajah 3	Lembaga Pengarah Ncb Holdings Bhd	9
Rajah 4	Lembaga Pengarah Kontena Nasional Berhad	10
Rajah 5	Carta Organisasi Cawangan Port Klang	11
Rajah 6	Sistem Tempahan Nota Penghantaran Pelanggan	27
Rajah 7	<i>Job File</i>	31
Rajah 8	Sistem Pergerakan Penghantaran Kontena Pelanggan Yang Berisi Barang Import	36
Rajah 9	Sistem Pergerakan Penarikan Punggutan	44

SENARAI JADUAL

PERKARA	MUKA SURAT
Jadual 1 Senarai Kakitangan Mengikut Jawatan	19
Jadual 2 Jadual Latihan Industri Yang Dirancang	
Oleh Syarikat	22

SENARAI SINGKATAN

KNB	:	Kontena Nasional Berhad
RFD	:	<i>Request for Delivery</i>
CMO	:	<i>Container Movement Order</i>
CN	:	<i>Consignment Note</i>
ETA	:	<i>Expected Time of Arrival</i>
HS	:	<i>Haulage System</i>
EIR	:	<i>Equipment Interchange Receipt</i>
RAS	:	<i>Request Acknowledgement Slip</i>

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kontena Nasional Berhad adalah sebuah organisasi yang memberikan peluang kepada pihak universiti dan dasar pendidikan negara untuk memberikan peluang kepada mahasiswa menjalani Latihan Industri. Kontena Nasional Berhad merupakan sebuah syarikat pengangkutan yang ditubuhkan pada 26 Ogos 1971. Aktiviti utamanya ialah untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan pergudangan kepada pelanggan dalam industri pengurusan logistik. Sepanjang berada di Kontena Nasional Berhad, pelatih telah ditempatkan di bahagian operasi iaitu dibawah pengawasan Bahagian Tempahan Pelanggan (RBC). Di bahagian ini, pelatih telah berpeluang mempelajari sistem pergerakan penghantaran yang cekap, cepat dan betul.

Selain itu, pelatih juga turut berpeluang mempelajari sistem tempahan nota penghantaran dan sistem pergerakan punggutan semula treler yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dalam bab 2. Sepanjang tempoh 12 minggu menjalani latihan industri, pelatih telah dapat mengenalpasti beberapa masalah iaitu, dibahagian pergerakan penghantaran yang berkaitan dengan masalah kelewatan menarik kontena pelanggan di pelabuhan, bahagian penarikan punggutan pula disebabkan masalah treler dan sistem tempahan nota pelanggan juga mempunyai masalah disebabkan maklumat tidak lengkap dari pelanggan.

Berdasarkan pemerhatian yang di buat oleh pelatih, pelatih telah mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan masalah ini terjadi. Antaranya yang dikenalpasti adalah masalah dalaman iaitu yang melibatkan perselisihan faham yang terjadi antara pemandu, kekurangan kepakaran dalam merancang pergerakan penghantaran dan sikap ambil mudah dan tidak bertanggungjawab kakitangan. Punca-punca kepada masalah ini sekiranya tidak diatasi akan menjaskankan prestasi syarikat. Justeru itu, menerusi laporan ini pelatih turut memberikan beberapa cadangan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah yang timbul.

Secara keseluruhannya, pelatih berharap hasil daripada penemuan yang dijalankan oleh pelatih terhadap sistem kerja di Kontena Nasional Berhad dan cadangan yang diberikan akan dapat membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah yang timbul dan menjalani sistem kerja yang lebih efektif untuk meningkatkan mutu prestasi organisasi dalam menarik perhatian pelanggan.